

21 DEC 2002

MAHATHIR-THAILAND/I

MSIA-THAILAND MESTI MEMPUNYAI HUBUNGAN LEBIH RAPAT

Oleh: Wan Nurzila Wan Abdul Rahman

ALOR SETAR, 21 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata bahawa Malaysia dan Thailand, sebagai jiran-jiran rapat, patut meningkatkan kerja sama pada kedua-dua peringkat rasmi dan sosial kerana ini akan memberi manfaat kepada perdagangan dua hala dan juga rakyat kedua-dua negara.

Perhubungan lebih rapat juga memastikan suasana yang stabil dan aman bagi kedua-dua negara dan membangunkan peluang-peluang yang meningkat bagi kerjasama lebih besar di bidang-bidang lain, katanya pada pembukaan projek Sambung Tara Arus Langsung Voltan Tinggi 300/600 MW Malaysia-Thailand (HVDC) di Gurun, Kedah.

Beliau berkata bahawa projek itu, yang menggambarkan kerjasama meningkat di kalangan mereka, boleh menghasilkan kerjasama selanjutnya dan perkongsian tenaga di antara Malaysia dan Thailand.

"Terdapat ketika apabila kita terpaksa membeli tenaga dari Thailand dan Thailand membeli daripada kita. Ini adalah bentuk kerjasama yang kita mahu pertingkatkan," katanya.

Dr Mahathir bersama-sama merasmikan projek Sambung Tara itu dengan Perdana Menteri Thai Dr Thaksin Shinawatra di sebuah hotel di sini.

Turut hadir ialah Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia Datuk Amar Leo Moggie, Menteri Tenaga Thailand, Pongthep Thepkanchana dan pengerusi Tenaga Nasional Bhd Datuk Dr Awang Adek Hussain.

Di dalam ucapannya, Thaksin berkata siapnya projek itu dilihat sebagai satu sejarah penting dalam aspirasi untuk membangunkan Grid Transmisi Sambung Tara Asean Bersepadu sepenuhnya.

Katanya kerjasama dalam projek itu akan memperkukuhkan lagi dan membantu merealisasikan matlamat bersama yang boleh menyumbang kepada kemakmuran kedua-dua negara itu.

Ketika memuji Dr Mahathir kerana kepimpinannya dan merapatkan perhubungan Malaysia-Thai, Thaksin berkata bahawa sungguhpun Dr Mahathir telah menyatakan hasratnya untuk melepaskan jawatan, beliau adalah seorang negarawan yang amat disanjung.

"Beliau masih banyak idea yang boleh membawa rantau ini lebih rapat bersama-sama," katanya.

Dr Mahathir berkata bahawa untuk menjadikan Segitiga Pertumbuhan Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT) satu kenyataan, Malaysia ingin mengambil langkah seterusnya dalam meluaskan perhubungan seperti di dalam pengangkutan dengan Thailand, termasuk membangunkan perhubungan rel yang lebih baik di antara kedua-dua negara.

"Kami ingi juga mempunyai lintasan-lintasan sempadan baru dan melanjutkan masa pejabat di sempadan ke lewat malam atau malahan beroperasi 24 jam sehari, supaya rakyat dari kedua-dua negara boleh berjalan (keluar dan masuk) dengan mudah, dengan itu mempertingkatkan perhubungan kedua-dua mereka," tambahnya.

Beliau juga berkata bahawa dengan mempertingkatkan infrastruktur dan kemudahan-kemudahan menghubungkan kedua-dua negara, perhubungan dua hala di antara Malaysia dan Thailand akan meningkat secara beransur-ansur.

"Kami tidak sabar melihat kerjasama lebih di bidang-bidang lain dan juga dalam proses itu mengukuhkan muhibbah yang lebih yang akan memanfaatkan rakyat kedua-dua negara," katanya.

Projek HVDC, yang dilaksanakan khas oleh TNB dan Electricity Generating Authority of Thailand (EGAT), adalah projek pertama seumpamanya bagi

kedua-dua negara itu.

perjanjian itu akan membolehkan EGAT dan TNB memperniagakan bakalan kuasa elektrik mereka di antara mereka.

Bekalan kuasa yang dikongsi itu akan disalurkan melalui sistem perhubungan arus langsung voltan tinggi (HVDC).

Sistem HVDC, beroperasi sejak Mei, menghubungkan talian transmisi 110 kilometer antara sub stesen penukar VDC 500/275k di Gurun, Kedah dan sebuah sub stesen penukar VDC 230k di Khlong Ngae, Thailand.

Antara ciri-ciri teknologi maju HVDC itu ialah keupayaan mengawal dan menentukan pemindahan kuasa dan juga mampu memindahkan kuasa di antara kedua-dua negara semasa gangguan sistem dan darurat.

TNB berkata bahawa perjanjian itu adalah satu langkah penting ke arah merealisasikan Grid Transmisi Sambung Tara Asean, satu projek untuk saling melengkapkan dan membantu sistem kuasa di antara negara-negara berjiran dan utiliti-utiliti.

Peringkat pertama projek sambung tara HVDC 300/600 mw di antara Malaysia dan Thailand disiapkan dan beroperasi secara komersil pada 20 Sept 2001.

Projek itu dilaksanakan bersama oleh TNB dan EGAT dengan keseluruhan kos kira-kira RM400 juta.

Kini, terdapat beberapa sistem HVDC lain di India, Jepun dan Lingkaran Pasifik tetapi ia juga mengadakan perhubungan antara beberapa syarikat tenaga di dalam negara ini.

Sambung Tara HVDC mengujudkan pelbagai faedah seperti perkongsian Rizab Pusingan bagi Tujuan-tujuan Operasi/Keselamatan Tenaga, Pertukaran Tenaga Ekonomi bagi Kos Operasi Dioptimumkan dan Bantuan Darurat di bawah Gangguan Sistem.

Skim sambung tara HVDC 300 MW, yang boleh dinaik taraf hingga 600 megawatt jika dijadikan talian atas lebih 110 km HVDC (85km di TNB, 25km di EGAT) dengan stesen penukar langsung di Gurun di sebelah Malaysia dan Khlong Ngae, di sebelah Thailand.

Stesen penukar itu kini dibina bagi operasi monopolar bagi pemindahan tenaga 300 megawatts di kedua-dua arah.

Skim sambung tara HVDC itu mampu beroperasi berterusan pada voltan DC penarafan dikurangkan 210 kV melebihi keseluruhan muatan jajaran sehingga 1000A arus DC. Pemindahan kuasa minimum ditarafkan pada 30 MW. -- BERNAMA

WAN MR OS